



Ruj: UKM ISP/207/5  
Tarikh: 5 Mei 2017

**Dr. Zeeda Fatimah Binti Mohamad**  
Department Of Science and Technology Studies  
Faculty of Science. University Malaya  
50603 KL.

Ybhg. Dr,

### JEMPUTAN SEBAGAI PEMBENTANG DI KONVENSYEN KAMPUS LESTARI 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) dan Kolej Ibu Zain Universiti Kebangsaan Malaysia akan menganjurkan **Konvensyen Kampus Lestari 2017** pada **22 hingga 24 Mei 2017 (KKL2017)** bertempat di **Universiti Kebangsaan Malaysia**. Untuk makluman pihak Ybhg. Dr, KKL2017 merupakan kesinambungan daripada penganjuran Konvensyen Kampus Lestari IPT yang telah diadakan pada tahun 2012 dan 2015 yang bertujuan untuk berkongsi idea dan amalan terbaik berkenaan dengan pengurusan alam sekitar yang lestari. Sasaran penyertaan program ini adalah ahli akademik, ahli profesional dalam bidang berkaitan kelestarian alam sekitar, pelajar IPT dan pelajar sekolah.

Sehubungan itu, pihak kami dengan sukacitanya ingin menjemput pihak Ybhg. Dr., sebagai pembentang pada **22 Mei 2017 (Isnin) dalam Sesi Pembentangan 1: Air, Hutan, Landskap Hijau dan Biodiversiti**. Sesi Pembentangan akan bermula pada pukul 10.00 pagi – 11.00 pagi dan setiap pembentang diberikan masa selama 10 minit. Bersama-sama ini dilampirkan brosur program dan panduan umum pembentangan untuk rujukan lanjut pihak Ybhg. Dr.,. Mohon kerjasama pihak Ybhg. Dr., agar dapat membuat pengesahan kehadiran dengan mengisi Borang Maklumbalas yang dilampirkan pada atau sebelum 12 Mei 2017.

Sekiranya pihak Ybhg Dr., mempunyai pertanyaan lanjut, pihak Sekretariat sedia untuk dihubungi pada talian 03-8921 4161 / 014-3880451 atau layari [www.ukm.my/kkl](http://www.ukm.my/kkl). Segala pertimbangan dan kerjasama daripada pihak Ybhg. Dr., mengenai perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Yang benar,

**Dr. Rahmah Elfithri**  
Penyelaras Konvensyen Kampus Lestari 2017  
*Merangkap Pensyarah Kanan*  
*Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*berlampir*

**BORANG MAKLUMBALAS PEMBENTANG**

**KONVENSYEN KAMPUS LESTARI 2017  
22 MEI 2017 – 24 MEI 2017  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Sekretariat

**Konvensyen Kampus Lestari 2017**

d/a Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM, Bangi

Selangor

Tel : 03 - 8921 4161 / 014 - 3380451

Faks : 03 – 8925 5104

Emel : [elfith@ukm.edu.my](mailto:elfith@ukm.edu.my) / [nurlinaramzan@gmail.com](mailto:nurlinaramzan@gmail.com)

Sila isi dan kembalikan sebelum atau pada 12 Mei 2017 (Jumaat):

Nama : .....

Jawatan : .....

Organisasi : .....

Alamat : .....

No. telefon : .....

No. faks : .....

Email : .....

Tajuk Pembentangan : .....

*(Mohon agar dapat menghantar abstrak pembentangan bagi tujuan cetakan buku abstrak)*

- Saya akan hadir sebagai pembentang.
- Saya tidak dapat menghadiri program tersebut.
- Saya akan menghantar wakil .....

.....  
Tarikh

.....  
Tandatangan dan Cop Rasmi

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 4144/4149 Faksimili: +603-8925 5104 E-mel: [lestari@ukm.edu.my](mailto:lestari@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/lestari>